



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Maklumat di bawah berkaitan dengan maklumat-maklumat asas pengomposan yang boleh dilakukan oleh masyarakat. Huraikan pendapat anda tentang **pengomposan sisa organik**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

Kompos ialah baja organik yang terhasil daripada penguraian bahan-bahan organik seperti dedaun kering dan rumput. Kaedah ini mampu mengembalikan kesuburan tanah yang lesu dan rosak akibat penggunaan baja kimia yang berterusan. Pembuatan baja kompos boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja asalkan mereka faham asasnya. Setelah itu, mereka boleh mengubah suai kaedah pembuatannya mengikut kesesuaian bahan, alatan, lokasi dan masa.

Dua bahan utama yang digunakan untuk pembuatan kompos ialah bahan *green*, iaitu basah dan *brown*, iaitu kering. Bahan basah ialah bahan organik yang kaya dengan nitrogen seperti rumput yang dipotong, sisa tanaman, sisa sayuran, tinja ayam, tinja kambing, tinja kuda serta hampas teh dan kopi. Bahan kering pula boleh terdiri daripada bahan yang kaya dengan karbon seperti dedaun kering, reranting kecil, habuk kayu dan *cardboard*.

Sumber: <https://kebunbandar.com/>



Sumber : <https://esti.my/2023/06/01/daripada-sisa-organik-menjadi-kompos/>

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1
- Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) merupakan program yang membantu menyemai dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid menerusi aktiviti interaksi misalnya permainan dan kebudayaan. Sebenarnya, program ini telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan sejak tahun 1986. Melaluinya, kementerian menyediakan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk bergaul mesra secara sedar dan terancang. Pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan pada setiap tahun yang merangkumi lima elemen, iaitu akademik, khidmat masyarakat, jati diri dan patriotisme, kebudayaan dan kesenian, serta sukan dan permainan. Pihak kerajaan juga bersedia untuk menyalurkan peruntukan yang berpatutan bagi memastikan RIMUP dapat terus dilaksanakan.
- Dipetik dan diubah suai daripada ‘RIMUP di Sekolah untuk Kukuhkan Perpaduan’
<https://www.utusanborneo.com.my/>

Secara jelasnya, Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) mampu memupuk perpaduan dalam kalangan murid di semua sekolah.

Huraikan faedah-faedah RIMUP kepada diri anda.

- 2
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa membantu para usahawan untuk menerokai peluang eksport yang tersedia bagi menggalakkan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini menceburi bidang pasaran yang lebih luas. Mereka menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan eksport kepada usahawan PKS atau bakal pengeksport serta mengatur sesi padanan perniagaan di antara usahawan PKS Malaysia bersama pengimport berpotensi. FAMA turut bertanggungjawab mengenal pasti produk yang berpotensi untuk menembusi sesuatu pasaran serta penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memenuhi syarat dan peraturan pihak berkuasa makanan di destinasi eksport.
- Dipetik dan diubah suai daripada
‘FAMA Terus Bantu Usahawan Terokai Pasaran Lebih Luas’
<https://sabahmedia.com>

Petikan di atas memberi gambaran yang jelas tentang peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam usaha memajukan sektor pertanian.

Bincangkan peranan-peranan tersebut.

- 3 Gara-gara tanpa usul periksa tentang kesahihan pakej pelancongan yang ditawarkan lantaran ghairah untuk bercuti, akhirnya percutian idaman dan wang yang dibayar hilang begitu sahaja. Situasi ini sering terjadi kepada segelintir masyarakat yang terpaksa berputih mata kerana hasrat untuk bergembira bersama-sama dengan keluarga lenyap akibat termakan jerat daripada sindiket penipuan pelancongan yang bergiat aktif di negara kita. Persatuan Pengguna Kedah (CAKE) mendedahkan, pihaknya menerima banyak aduan membabitkan penipuan pakej pelancongan murah ke Langkawi yang kononnya menawarkan potongan sehingga 70 peratus bagi setiap pakej yang tersedia.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Scammer Ambil Kesempatan, Jerat Mangsa Melalui Pakej Pelancongan Murah ke Langkawi’
oleh Salim Aziz
<https://www.wastroawani.com>

Menerusi artikel yang diberikan di atas, anda terpenggil untuk menghasilkan sebuah rencana yang bertajuk ‘Usaha-Usaha untuk Mengelakkan Diri daripada Penipuan Pelancongan.’

Sediakan rencana tersebut dengan selengkapnya.

- 4 Pada 15 Ogos 2023, Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah mengadakan Program Didik Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor, Pulau Pinang. Program tersebut melibatkan lebih daripada 700 orang peserta yang terdiri daripada murid dan guru dari sekolah berkenaan. Program ini diadakan itu bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran asas tentang keselamatan jalan raya bagi melahirkan generasi baharu yang mengamalkan budaya selamat dan berhemah di jalan raya selaras dengan modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR). Antara aktiviti yang diadakan termasuklah demonstrasi melintas jalan raya dan pemakaian topi keledar bagi memberi pendedahan kepada murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Program Didik Keselamatan Jalan Raya
Di Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor’
<https://www.mkn.gov.my>

Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di sekolah-sekolah adalah sangat penting bagi mengurangkan kadar kemalangan yang semakin membimbangkan kini. Walau bagaimanapun, program berkenaan masih belum mencapai objektifnya.

Jelaskan punca-punca yang menyebabkan situasi berkenaan berlaku.

KERTAS PEPRIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata adjektif perasaan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pelancong dinasihatkan untuk merancang perjalanan dengan betul agar percutian impian dapat disulami dengan suasana yang gembira. Anda juga perlu memastikan senarai lokasi telah disusun supaya tidak berasa bosan ketika menghadapi kesesakan lalu lintas menuju ke destinasi. Bawalah keluarga yang anda sayangi untuk lawati ke Tanah Tinggi Cameron agar anak-anak kecil menikmatinya dengan seronok sambil menikmati suasana ala-ala di luar negara. Percutian di dalam negara juga pastinya menjimatkan poket anda sambil kita menyokong tempat pelancongan dalam negara yang boleh merapatkan hubungan kekeluargaan bahagia anda. Jom, *Cuti-Cuti Malaysia!*

Dipetik dan diubah suai daripada
'Elak Berkampung Di Dalam Kereta'
oleh Siti Aznm
<https://siraplimau.com/>

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti subjek dan predikat ayat yang bergaris di bawah.*

Covid-19 merupakan penyakit berjangkit yang berpunca daripada strain coronavirus yang baru ditemui, iaitu sejenis virus yang diketahui boleh menyebabkan jangkitan pernafasan pada manusia. Kes Covid-19 pertama di Malaysia dikesan pada 24 Januari 2020 sebelum bermulanya kisah 'hitam' rakyat Malaysia. Seluruh negara terpaksa berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan hampir melumpuhkan seluruh kegiatan manusia. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berhubung dengan pihak antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menangani wabak ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jangkitan Penyakit Coronavirus'
<http://www.myhealth.gov.my/>

[6 markah]

- 3 Berdasarkan bahan-bahan di bawah, terdapat **enam kesalahan bahasa** dalam bahan 1 manakala dalam bahan 2, terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Bahan 1

Ada yang mengatakan bahawa pokok karas yang menghasilkan gaharu seperti pokok duit atau wang akan tumbuh diatas pohon itu. Ramai juga yang sedia maklum bahawa gaharu menjadi bahan utama dalam menghasilkkan minyak wangi, selain komoditi penting kepada ekonomi serta mempunyai berbagai kegunaannya. Namun, bagaimana gaharu berkualiti dengan gred AAA diperoleh? Gaharu, iaitu damar atau resin beraroma yang terhasil dari pokok karas atau Aqualaria dari keluarga Thymelaeaceae, amat bernilai hangat melebihi daripada harga emas.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Sumber Gaharu Aroma Kayangan’
oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
<https://www.bharian.com.my/>

[6 markah]

Bahan 2



Jom Sertai Kami!
Pengambilan December 2024

JAWATAN KOSONG

KEMASUKAN SEGERA

PEKERJA SAMBILAN HARIAN & PEMBANTU OPERASI

- Tugas kerja mengendali pemunggahan barangan logistik di bahagian operasi malam
- Membantu mengimbas QR & kod bar barangan
- Membuat pemeriksaan kuantiti barangan (QC)

PAKEJ GAJI HARIAN MENARIK!

- ✓ RM 75.00 (Isnin – Jumaat)
- ✓ RM 80.00 (Sabtu & Ahad)
- ✓ RM 90.00 (Cuti Umum)
- * Bonusinsentif untuk kehadiran mingguan RM 40.00

Syarat-syarat:

- Berumur 18 tahun ke atas
- Mampu bekerja waktu malam secara konsistan

Lokasi di Gdex, Jalan Tandang, Petaling Jaya, Selangor

Call 011-9089243 (Hadi)

Pejabat Operasi : 03-32114562

SILA SEBARKAN PADA RAKAN ANDA

[5 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, “Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian **isikan ruang kosong** yang diberikan dengan **peribahasa** yang sesuai.*

Mutakhir ini, golongan muda lebih kerap untuk menghabiskan masa lapang bermain permainan video atau menonton hiburan secara maya yang diibaratkan _____.
Hakikatnya mereka boleh mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah seperti bermain permainan tradisional. Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya hendaklah aktif dalam menghantar penggiat permainan tradisional tempatan ke acara atau pameran global. Hal ini dikatakan demikian kerana usaha tersebut boleh diumpamakan seperti _____. Selain itu, cara untuk menjadikan permainan tradisional sebagai satu aktiviti kegemaran masyarakat umum adalah dengan memasukkan elemen permainan tradisional dalam drama atau filem tontonan umum. Untuk itu ibu bapa perlulah menjadi suri teladan di rumah kerana _____.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Cara Memupuk Permainan Tradisional’ <https://www.irujukan.my/>

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

KUALA LUMPUR: Malaysia bersedia untuk menyaksikan kemajuan teknologi selanjutnya yang akan menggalakkan penggunaan pendigitalan dengan peruntukan RM100 juta oleh kerajaan untuk menyokong pembangunan syarikat teknologi. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Exabytes, Chan Kee Siak berkata, perkara tersebut penting dalam usaha membangunkan bakat masa depan negara dan mencapai status berpendapatan tinggi.

Selain itu, katanya, sejumlah RM73 juta yang akan diperuntukkan untuk mengukuhkan keselamatan siber di Malaysia sekali gus akan membantu meningkatkan pemantauan, pengesanan dan pelaporan ancaman keselamatan siber. Menurut beliau, kerajaan berhasrat untuk memaksimumkan potensi ekonomi digital, dicerminkan dalam usahanya untuk meningkatkan ekosistem industri yang akan memberi manfaat kepada negara secara menyeluruh.

Sebagai melengkapkan usaha kerajaan, Exabytes juga sedang menjalankan kempen #DetectToProtect sempena Bulan Kesedaran Keselamatan Siber. Kempen berkenaan telah disusun secara strategik untuk mendidik pemilik perniagaan, pemimpin dan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tentang kepentingan menjalankan persediaan sekiranya berlaku perkara yang buruk demi melindungi data sensitif masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia akan Terus Alami
Kemajuan Teknologi'
<https://www.bharian.com.my/>

Bahan 2

Teknologi telah berjaya memudahkan pelbagai kerja seharian kita. Mesin basuh kain, mesin basuh pinggan dan peti ais telah meringankan kerja di rumah dan hampir setiap rumah di Malaysia kini telah memiliki sekurang-kurangnya mesin basuh kain dan peti ais. Para suri rumah tidak perlu lagi membasuh kain dengan menggunakan tangan. Teknologi bukan sahaja telah membantu kerja-kerja di rumah menjadi *semakin mudah* malah di pejabat juga turut menerima kesan positif daripada perkembangan teknologi. Penggunaan mesin fotostat misalnya telah memudahkan pekerja untuk memperbanyak sesuatu dokumen.

Di samping itu, penggunaan aplikasi seperti *Microsoft Word* telah memudahkan pekerja di pejabat untuk menghasilkan laporan, menaip surat dan sebagainya. Situasi ini sungguh jauh berbeza dengan penggunaan mesin taip pada satu masa dahulu yang memerlukan seseorang penggunanya terpaksa menaip balik seluruh dokumen jika terdapat sebarang kesilapan. Perkembangan teknologi dapat mengurangkan beban masyarakat pada masa ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kebaikan dan Keburukan Teknologi'
<https://cmnacademy.com/>

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *semakin mudah*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kelebihan-kelebihan daripada perkembangan teknologi di negara kita. [3 markah]

- (iii)

Walaupun kemudahan teknologi dianggap telah memudahkan pelbagai urusan masyarakat namun terdapat pihak yang menyalahgunakannya ke arah yang tidak bermoral.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang perlu dilakukan oleh pihak berkuasa untuk memastikan permasalahan tersebut tidak berterusan? [3 markah]

- (iv) Fatimah sering merungut kerana ibu bapanya tidak mampu untuk membelikan gajet. Bagi Fatimah, gajet tersebut boleh memudahkan dia menuntut ilmu lebih-lebih lagi banyak bahan rujukan boleh diakses menerusi Internet dengan pantas.

Sebagai rakan sekelas Fatimah, apakah nasihat yang boleh anda berikan untuk memastikan permasalahan tersebut tidak terus membelenggu dirinya? [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

SYAIR PENGEMBARA BAHASA KEBANGSAAN

Tersebutlah kisah Si Pengembara Bahasa,
Mengelarkan dirinya Kembara Bahasa;
Bijak berkata indah berbahasa,
Perjuangannya memartabatkan Warisan Bangsa.

Sudah bertahun dia mengembara,
Serata dunia memperkenalkan bahasa;
Warga dunia jatuh cinta dengan bahasa,
Bahasa kebangsaanku indah bila berkata.

Ilmu dicurah tak pernah jemu,
Demi kerana memartabatkan bahasa ibundaku;
Kudoakan kejayaan untuk dirimu,
Di mana berada Tuhan bersamamu.

Mengenal bahasa ibunda kebanggaanmu,
Warga dunia mengenal juga negaramu;
Dikau mencurahkan ilmu tanpa jemu,
Mereka melancong ke negaramu.

Datang mereka disambut gembira,
Disambut dengan sejambak bahasa;
Bahasa cinta memukau jiwa,
Terpesona mereka Bahasa Jiwa Bangsa.

Datang ke negaramu berbahasa ibunda,
Begitu fasih indah tutur kata;
Teruja rakyat Malaysia mendengarnya,
Apabila mereka berbahasa ibundaku tercinta.

Semasa di negara sendiri mereka mempelajari,
Bahasa ibundaku penuh tekun dipelajari;
Datang melancong ke Malaysia ini,
Jatuh cinta berbangga mempelajari.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Syair Pengembara Bahasa Kebangsaan'
<https://sasterakuduniaku.blogspot.com/>

Bahan 2

Kak long menjeling tajam lalu menjawab, "Ala, masalah kecil sahaja! Bukankah peribahasa ada mengingatkan, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai?"

"Tapi, kita bukannya hendak ke pantai. Taman negara mana ada laut, mana ada ombak!" sampuk adik.

"Itu peribahasalah," jelas kak long.

Setibanya di seberang sungai, aku, ayah, ibu, kak long dan adik berjalan ke arah tempat penginapan kami untuk mendaftar masuk. Ayah menyewa sebuah calet besar yang memuatkan kami berlima dengan selesanya. Ayah juga menjelaskan bahawa di pintu masuk Kuala Tahan ini ada empat rangkaian rentis yang sering dilalui oleh pengunjung taman negara, iaitu Rentis Bukit Teresek, Rentis Sungai Tahan, Rentis Kuala Trenggan–Kuala Keniam dan Rentis Sungai Tenor. Bersesuaian dengan percutian keluarga, ayah memilih Rentis Bukit Teresek untuk menerokai keindahan taman negara.

Aku sudah tidak sabar-sabar lagi. Gunung Tahan seolah-olah memanggilku dari kejauhan. Namun, aku akur apabila ayah meminta kami berehat dan menunaikan solat dahulu. Ah, takkan lari gunung dikejar! Tahan, tunggu aku!

Dipetik dan diubah suai daripada 'Panggilan Tahan'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud bagi rangkap kedua. [2 *markah*]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan manfaat-manfaat yang diperoleh daripada aktiviti melancong. [3 *markah*]
- (iii) Usaha kerajaan untuk merencanakan sektor pelancongan di negara kita kian menampakkan hasilnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, hampir setiap tahun kehadiran pelancong luar negara semakin bertambah.

Pada pendapat anda, apakah peranan pelbagai pihak untuk memastikan usaha kerajaan itu tidak terhenti di tengah-tengah jalan? [4 *markah*]

- (iv) Anda mempunyai rakan sekerja yang suka melancong ke luar negara. Dia sanggup berhabis wang ringgit semata-mata untuk mencapai kepuasan diri. Selain itu, dia juga berpendapat kepelbagaian budaya yang dimilikinya ketika berkunjung ke tempat orang sukar dirasai di negara sendiri.

Sebagai masyarakat yang cinta akan negara, apakah cara anda untuk menarik minat rakan anda itu untuk melawati Malaysia? [4 *markah*]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Ya, baru balik. Belum sempat mandi pun lagi. Abang dapat tahu Isha ke JB, abang terus pasang *retinal scanner* kat rumah ni ye?” kata Farisha dengan separuh menuduh.

Azraai terus meletakkan *Kindle* di atas meja sisi dan duduk tegak. Wajahnya kini berubah menjadi lebih serius.

“Abang risau akan Isha. Minggu lepas ada kes pembunuhan tak jauh dari apartment tempat Isha tinggal. Lelaki itu kerja macam Isha juga, jurutera keselamatan sistem.” Abang Azraai menyuarakan sebab kebimbangannya.

“Itu kebetulan saja, bang. Lelaki tu ada banyak berhutang dengan Ah Long. Dia bukan kena bunuh sebab dia kerja macam Isha.” Farisha cuba meyakinkan Azraai. Kadang-kadang Azraai mudah risau tidak keruan. Dia kerap mencurigai orang tanpa usul periksa.

“Tapi, tak salah kalau kita lebih berhati-hati, kan?” Kata Azraai tegas seperti masih mahu mempertahankan tindakannya.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*
karya Dayang Noor

Berdasarkan petikan novel di atas, mengapakah Azraai bimbang akan Farisha? [4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang. [6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan grafik.

Bahan 1

Pada tahun 1991, Kementerian Pendidikan mula memperkenalkan Anugerah 3K (Kebersihan, Kesihatan, Keselamatan) yang merupakan program anugerah kebangsaan tahunan untuk mendidik dan memberi pengiktirafan kepada murid sekolah rendah serta menengah dalam usaha meningkatkan persekitaran sekolah. Menurut Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk P.Kamalanathan, anugerah yang diperkenalkan semula pada 2015 melalui platform digital telah menyaksikan peningkatan ketara daripada 51 kepada 200 sekolah yang terlibat. Menurut beliau, perkara seperti ini akan menggalakkan lebih banyak penyertaan dan menerapkan nilai 3K kepada warga sekolah khususnya pelajar. Selain itu, program 3K secara tidak langsung mengurangkan peningkatan masalah obesiti, pencegahan wabak seperti denggi dan kes membabitkan keselamatan pelajar termasuk buli atau merosakkan kemudahan sekolah.

Cara yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk menyokong program berkenaan termasuklah merebut peluang menyertai pertandingan yang dianjurkan bagi membuktikan kemampuan sekolah. Selain itu, guru yang diberi tugas perlulah bersungguh-sungguh dan menjalankan tanggungjawab tanpa mengira waktu siang atau malam. Pada masa yang sama, sekolah juga perlu banyak memberi tumpuan terhadap elemen perkembangan dunia masa kini yang lebih mudah dan pintar. Banyak sumber yang berkaitan teknologi maklumat dan faktor terkini itu digunakan sebaik mungkin untuk dimasukkan ke dalam 3K. Sekolah-sekolah juga boleh memberikan tumpuan terhadap perkara yang mudah seperti perisian yang diletakkan dengan aspek 3K dan mendapati sistem berkenaan lebih mudah digunakan. Malahan, sekolah juga hendaklah banyak menekankan kepada keunikan dan kelainan kaedah lama seperti surau yang menggunakan paip sensor bagi membantu menjimatkan air serta tenaga.

Secara tidak langsung, pihak sekolah sama ada di bandar mahupun luar bandar berpotensi besar untuk terlibat sama dengan Program 3K yang menerapkan pelbagai manfaat kepada semua pihak. Walaupun ada yang beranggapan program ini tidak termasuk di dalam silibus buku teks tetapi secara tidak langsung dapat mendidik anak murid tentang kepentingan menjaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan untuk jangka masa yang panjang.

Dipetik dan diubah suai daripada '3K Tingkat Kualiti Sekolah'
oleh Hajah Farhama Tarmudi
<https://www.hmetro.com.my/>

Bahan 2



Sumber : <https://www.infosihat.gov.my/penerbitan-multimedia/infografik/item/4-teras-agenda-nasional-malaysia-sihat.html>

Bahan 3

Persekitaran Bersih, Idaman Semua

Ketika Fandi, Mun Chew, dan Durga Devi berjalan-jalan di taman perumahan, mereka ternampak sebuah bangunan terbengkalai.

- 1 Semalam, saya ternampak seekor ular berhampiran dengan bangunan terbengkalai itu.
- 2 Bahaya, Fandi. Di situ juga ada banyak tikus. Mungkin lipas, lipan, dan kala jengking pun ada. Nyamuk pastilah banyak.
- 3 Baik kita laporkan hal ini kepada Tuk Ketua Nazri. Bolehlah beliau menghubungi pihak yang berkenaan untuk bertindak.
- 4 Setuju. Keadaan seperti ini tidak boleh kita biarkan. Pemilik bangunan terbengkalai itu juga mesti diberitahu tentang hal ini.
- 5 Haiwan seperti tikus membawa pelbagai penyakit seperti cirit-birit, leptospirosis, dan hawar.
- 6 Bahaya sungguh, Fandi. Saya sependapat dengan Durga Devi. Kita mesti mengambil tindakan secepat mungkin, jangan sudah terperosok, baru hendak memperbaiki lantai.
- 7 Kalau begitu, usah bertangguh lagi. Ayuh, kita ke rumah Tuk Ketua Nazri sekarang!

Fandi **Mun Chew**

Sumber : *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5*

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025
BAHASA MELAYU

1103/3**Kertas 3**

Masa : Individu : 3 – 5 minit

Kumpulan : 12 – 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A perlu dijawab secara **individu** dan Bahagian B dijawab secara perbincangan dalam kumpulan yang merangkumi 3–5 orang calon.*
3. *Masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian A ialah 3 hingga 5 minit, manakala masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian B ialah 12 hingga 15 minit.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A : Taksiran Individu

[40 markah]

[Masa : 3 hingga 5 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEKNOLOGI JENTERA**JENTERA MEMBAJAK TANAH**

Sumber : <https://www.hmetro.com.my/agro/2020/01/532211/teknologi-pertanian-tepat>

**DRON UNTUK MERACUN**

Sumber : <https://themalaysianreserve.com/2021/06/04/ir4-0-towards-national-food-security/>

**JENTERA PENUAI PADI**

Sumber : <http://myagrotechnologytransformation.blogspot.com/2015/03/penggunaan-teknologi-moden-dalam-bidang.html>



Sains dan teknologi banyak membantu memajukan negara terutamanya dalam sektor pertanian. Pelbagai ciptaan sains diselidik, direka dan diguna pakai dalam sektor pertanian. Kaedah yang digunakan kini iaitu menggunakan jentera mesin untuk menghasilkan hasil tanaman juga merupakan kemudahan yang kita dapat dari kemajuan sains dan teknologi. Dengan kemudahan jentera mesin, para petani dapat menghasilkan tanaman dengan banyak di samping menjimatkan tenaga dan masa. Penggunaan jentera mesin juga dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti dengan cepat dan mudah. Sebagai contoh, jentera memproses padi. Masalah kekurangan beras dapat dielakkan dengan penggunaan jentera memproses padi memandangkan jumlah penduduk di negara kita semakin bertambah. Jentera memproses padi dapat memungut hasil tuaian dengan cepat dan berkuantiti banyak.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Sains dan Teknologi Kepada Industri Pertanian'
[https://albayuni.wordpress.com/2012/01/25/
kepentingan-sains-dan-teknologi-kepada-industri-pertanian/](https://albayuni.wordpress.com/2012/01/25/kepentingan-sains-dan-teknologi-kepada-industri-pertanian/)

Bahagian B : Taksiran Kumpulan

[30 markah]

[Masa : 12 hingga 15 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, hampir setiap hari kita diperkenalkan dengan teknologi baharu hasil daripada inovasi yang dilakukan. Menyedari hakikat ini, terdapat pelbagai manfaat inovasi dalam kehidupan seharian kita antaranya dapat meningkatkan kualiti hidup, mencipta pasaran baharu serta mampu memelihara ekosistem dan alam sekitar

Ulas pernyataan di atas.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/4

Kertas 4

30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

UJIAN MENDENGAR

[30 markah]



PETIKAN PERTAMA : PETIKAN DIALOG

[7 markah]

Arahan :

Dengar petikan dialog ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

- 1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
- 2. Petikan dialog akan dibaca sekali lagi.*
- 3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
- 4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan dialog yang diperdengarkan.

- 1 Siapakah yang telah memenangi pertandingan syarahan bahasa Melayu? [1 markah]

- 2 Di manakah perbualan antara Angel dan Shima berlangsung? [1 markah]

- 3 Mengapakah Shima berasa kagum dengan Angel? [2 markah]

- 4 Bagaimanakah cara Angel mempelajari Bahasa Melayu? [2 markah]

- 5 Apakah nasihat Angel kepada Shima? [1 markah]

PETIKAN KEDUA : PETIKAN UMUM

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan umum ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan umum akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan umum yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 1**.

1 Berapakah bilangan petua yang diberikan berdasarkan petikan?

- A Empat
- B Lima
- C Enam
- D Tujuh

[1 markah]

2 Berdasarkan petikan, apakah petua yang yang ketiga dan keempat?

[2 markah]

3 Terangkan petua untuk menjaga kesihatan jantung.

[2 markah]

4 Cara untuk menghilangkan batuk, _____

[2 markah]

5 Siapakah yang membuat perkongsian petua di laman Facebook?

[1 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

PETIKAN KETIGA : PETIKAN CERPEN

[7 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan cerpen ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan cerpen akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

- 1 Apakah warna tali rafia yang dibawa oleh Ahmad? [1 markah]

- 2 Mengapakah Cikgu Harun berleter kepada Ahmad? [2 markah]

- 3 Senaraikan **dua (2)** kelebihan yang dimiliki oleh Ahmad. [2 markah]

- 4 Nyatakan amaran yang diberikan oleh Cikgu Harun selepas dia memakaikan kasut kelopak jantung pada kaki Ahmad. [2 markah]

PETIKAN KEEMPAT : PETIKAN BERITA

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan berita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan berita ini akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan berita yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 1**.

1 Siapakah nama Menteri Alam Sekitar dan Air?

- A Rohaniza Idris
- B Prof Dr Ahmad Ismail
- C Datuk Seri Ismail Sabri
- D Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man

[1 markah]

2 Nyatakan **dua (2)** faktor yang menyumbang kemerosotan kualiti air sungai.

[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 3**.

3 Berdasarkan petikan, pencemaran sungai amnya berpunca daripada pelbagai sumber **KECUALI**

- A pembuangan sisa pepejal.
- B pembakaran terbuka.
- C perlombongan.
- D aktiviti penternakan

[1 markah]

- 4 Nyatakan akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan alam Sekitar (JAS). [1 *markah*]

- 5 Pihak berkepentingan daripada sektor pertanian, perladangan, penternakan dan perikanan serta

[1 *markah*]

- 6 Siapakah yang turut memainkan peranan dalam usaha membanteras pencemaran sungai?

[2 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT